

Pengaplikasian Pendekatan Pembelajaran Aktif Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Norasykin Binti Mohd Zaid & Nurulhidayah Binti Ariff
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif. Kajian tertumpu kepada 3 aspek, iaitu persepsi pelajar terhadap pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif, faktor dominan yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran dan kelebihan pembelajaran aktif menurut pandangan pelajar. Seramai 71 orang pelajar tahun akhir Fakulti Pendidikan daripada program pengajian SPK, SPP dan SPT telah menjadi responden dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi 30 item, dibina berasaskan skala pemeringkatan Likert. Nilai Alpha Cronbach bagi soal selidik ini ialah 0.96 dan data mentah yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan *SPSS for Windows Version 11.5*. Dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran aktif dalam sesi P&P adalah tinggi dengan nilai min 4.01. Hasil kajian juga menunjukkan antara faktor utama yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran aktif adalah faktor interaksi dan komunikasi yang baik antara rakan-rakan. Selain itu, hasil kajian turut menunjukkan kelebihan utama pembelajaran aktif menurut pandangan pelajar ialah dapat memperbaiki kemahiran komunikasi dalam diri mereka. Secara keseluruhannya, penerimaan pelajar terhadap pembelajaran aktif adalah positif.

Katakunci : persepsi pelajar, aplikasi pendekatan pembelajaran aktif, faktor dominan

Pengenalan

Sejajar dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, perubahan yang pantas dan di luar jangkaan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosio, politik dan teknologi telah menjadikan masa depan para graduan penuh dengan cabaran. Menurut Mohd Zahid (1994), perkembangan ini menuntut kebijaksanaan seluruh barisan dan angkatan pendidikan untuk melakukan muhasabah terhadap pegangan dan amalan pendidikan yang digunakan selama ini bagi melahirkan para graduan yang memenuhi kehendak pasaran kerja semasa. Ini kerana, kritikan tajam sering dilontarkan terhadap pelaksanaan pendidikan yang sedia ada lantaran harapan yang begitu tinggi untuk melahirkan para graduan yang cemerlang, terbilang dan gemilang.

Selaku seorang mahasiswa universiti, para pelajar sewajarnya menyiapkan diri mereka untuk menghadapi zaman yang serba canggih dan pantas ini. Menurut Datuk Dr. Ahmad Zaharudin (1997), adalah perlu untuk mewujudkan satu program menyeluruh yang bukan sahaja akan menyediakan infrastruktur dan penggunaan Teknologi Maklumat (IT) terkini dalam proses pembelajaran tetapi perlu meliputi pengintegrasian dengan keseluruhan aspek kehidupan di universiti. Ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan oleh Ismail (2004), bahawa pelajar perlu meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri agar seiring dengan pembangunan dan kemajuan negara.

Tahun demi tahun, pelbagai percubaan dan usaha dibuat untuk membangun dan memperbaiki sistem pendidikan yang berbentuk tradisional. Usaha ini telah dimulakan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan memperkenalkan pendekatan-pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih berpusatkan kepada penglibatan pelajar. Ini dipersetujui oleh

Whitman (1996) yang menyatakan bahawa, penggunaan pelbagai jenis pendekatan pembelajaran boleh membantu untuk memenuhi gaya pembelajaran pelajar yang sememangnya berbeza antara satu sama lain kerana tidak semua pelajar dapat menerima pendekatan pembelajaran yang berbentuk pasif.

Kajian lain yang turut menyokong kebaikan memahami gaya pembelajaran pelajar adalah kajian yang dilakukan oleh Thut dan Gerberich (1993) yang menyatakan bahawa, kemahiran menggunakan satu kaedah pengajaran sahaja tidak menjamin seseorang guru itu boleh menangani secara bijak segala masalah dalam bidang P&P kerana tidak ada satu pendekatan pun yang boleh dianggap terbaik dalam semua aspek, setiap masa dan sesuai dengan semua pelajar. Malah ia akan menghadkan penggunaan kaedah pengajaran tertentu, seterusnya menjejaskan kecekapan dan keberkesanan guru serta pembelajaran pelajar.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan huraian yang telah dinyatakan berkenaan masalah pembelajaran tradisional, satu pendekatan pembelajaran baru telah mula digunakan di IPT iaitu pendekatan pembelajaran aktif. Sehubungan dengan itu, pengkaji tertarik untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif sebagai salah satu kaedah pembelajaran yang telah digunakan dalam beberapa sesi P&P di Fakulti Pendidikan. Selain itu, pengkaji juga telah mengkaji mengenai faktor dominan yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran aktif, di samping mengetahui pandangan pelajar mengenai kelebihan pengaplikasian pendekatan pembelajaran secara aktif dalam sesi P&P.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini mempunyai beberapa objektif yang tertentu, antaranya:

- (i) Mengetahui persepsi pelajar terhadap pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif.
- (ii) Mengenalpasti faktor dominan yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran aktif.
- (iii) Mengenalpasti kelebihan pendekatan pembelajaran aktif menurut pandangan pelajar.

Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian terhadap pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif ini, diharap agar dapat memberi manfaat kepada pihak-pihak berikut :

Pelajar

Pelajar akan dapat menyedari kekuatan pendekatan pembelajaran aktif dalam melaksanakan suatu sesi pengajaran dan pembelajaran yang lebih aktif dan efektif. Seterusnya, secara tidak langsung ia akan menimbulkan minat dikalangan pelajar untuk turut serta terlibat dalam mengikuti sesi P&P yang telah terbukti keberkesanannya.

Pensyarah

Diharapkan pensyarah dapat melihat pendekatan pengajaran aktif sebagai pendekatan yang positif bagi meningkatkan kualiti pengajaran tanpa menolak terus pengajaran secara tradisional kerana kaedah tradisional masih merupakan satu kaedah yang berkesan bagi menyampaikan maklumat. Selain itu, melalui kajian ini diharapkan pensyarah akan menyedari bahawa pelajar lebih berminat untuk terlibat secara aktif, berbanding pasif dalam sesi P&P.

Institut Pengajian Tinggi/Sekolah

Dengan adanya dapatan yang diperolehi daripada kajian ini, diharapkan agar pihak IPT/sekolah dapat membuat penambahbaikan ke atas sistem P&P tradisional yang masih digunakan

sepenuhnya dikalangan sesetengah pengajar. Ini dapat dilakukan dengan menambah elemen-elemen pembelajaran aktif dalam kaedah pembelajaran sedia ada. Elemen pembelajaran aktif tidak semestinya memerlukan proses P&P yang kompleks seperti pembelajaran berasaskan masalah, kerana proses yang ringkas seperti sesi soal jawab juga sudah memadai jika kesuntukan masa.

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji merupakan kajian deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Mohd Najib (1999), kajian deskriptif dapat menerangkan fenomena sesuatu keadaan dengan cara penganalisaan data yang diperolehi daripada pembentukan soal selidik. Menurutnya lagi, kaedah tinjauan ialah kajian yang melibatkan pengambilan data dalam satu jangka masa tertentu sahaja, yang mana selalunya menggunakan set soal selidik sebagai instrumen kajian. Dalam erti kata yang mudah, penyelidik hanya meninjau situasi pada suatu masa tertentu sahaja. Menurut Siti Norbaizura (2006), kaedah tinjauan seolah-olah merupakan '*photo snapshot*' suatu peristiwa.

Majid (1993) menyatakan bahawa penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang diterokai. Kenyataan ini disokong oleh Gay (1996) yang menyatakan kajian deskriptif melibatkan data dan usaha menguji hipotesis atau menjawab persoalan kajian dengan melihat status semasa terhadap perkara yang dikaji. Oleh itu, kajian deskriptif ini adalah sesuai digunakan dalam kajian ini bagi mengetahui persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran aktif. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat pendekatan pembelajaran aktif dari beberapa sudut iaitu persepsi pelajar terhadap pengaplikasian pembelajaran aktif, faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam sesi pembelajaran aktif, dan kelebihan pendekatan pembelajaran aktif menurut pandangan pelajar.

Persampelan

Menurut Van Dalen (1979), populasi boleh didefinisikan sebagai sekumpulan manusia atau entiti (set) lain yang didefinisikan dengan jelas. Manakala Webster (1985) pula memberikan definisi sampel dengan menyatakan bahawa sampel adalah bahagian set responden yang dipilih daripada populasi yang lebih besar untuk tujuan kajian.

Bagi kajian ini, populasi yang telah dipilih adalah terdiri daripada pelajar tahun 4 Program Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Fizik) – 4SPP, Program Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Kimia) – 4SPK dan Program Ijazah Sarjana Muda Sains dan Komputer serta Pendidikan (Matematik) – 4SPT Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Sampel kajian yang diambil kira dalam kajian ini adalah mengikut bilangan kehadiran populasi semasa sesi set soal selidik diedarkan dalam kajian sebenar. Berikut merupakan ringkasan bilangan populasi kajian dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ringkasan bilangan populasi kajian

| Program | Bil. Populasi Kajian |
|----------------|-----------------------------|
| 4 SPK | 27 |
| 4 SPP | 17 |
| 4 SPT | 40 |
| JUMLAH | 84 |

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang telah digunakan oleh pengkaji adalah set soal selidik yang telah dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan persoalan kajian yang telah ditentukan. Menurut Mohd Majid (1993), antara kelebihan penggunaan set soal selidik bagi sesuatu kajian ialah ia dapat meningkatkan ketepatan maklumat yang diperolehi daripada responden. Ini adalah kerana maklumat yang diperolehi daripada responden melalui set soal selidik tidak akan dipengaruhi oleh pengkaji terutamanya dari segi emosi.

Mohd Najib (1999) menyatakan soal selidik digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap dan persepsi atau pandangan. Fakta ini bersesuaian dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji memandangkan pengkaji menjalankan kajian ke atas persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran aktif. Set soal selidik yang akan digunakan dalam kajian terhadap pendekatan pembelajaran aktif adalah berdasarkan Kaedah Likert iaitu dengan menggunakan skala lima mata.

Pengkaji memilih soal selidik berasaskan Kaedah Likert sebagai instrument bagi kajian ini kerana ia mudah untuk ditadbir sekiranya ia dibina dengan baik. Selain itu, soal selidik berasaskan Kaedah Likert juga merupakan instrumen kajian yang paling mudah digunakan bagi mendapatkan data dalam jumlah yang banyak dan dalam jangka masa yang singkat. Maklumat yang diterima daripada responden melalui kaedah ini juga mudah untuk dianalisis.

Penggunaan set soal selidik dapat menjimatkan masa. Masa yang dimaksudkan ialah masa untuk membina set soal selidik, masa untuk mengumpulkan kembali set soal selidik dan masa untuk memproses set soal selidik. Penjimatan terhadap tenaga dan air juga dapat dilakukan. Bagi responden pula, mereka akan lebih mudah dan berani untuk memberi tindak balas terhadap item soal selidik. Ini adalah kerana terdapat kemungkinan responden akan merasa tidak selesa sekiranya responden harus menjawab set soal selidik soalan secara langsung dihadapan pengkaji.

Secara keseluruhannya, set soal selidik akan dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian A dan B. Bahagian A mengandungi profil responden, manakala bahagian B mengandungi item-item bagi menjawab persoalan kajian.

Bahagian A

Bahagian A dalam set soal selidik ini mengandungi 3 soalan yang berkaitan dengan latarbelakang responden. Soalan-soalan ini telah memberikan maklumat berkaitan dengan jantina, program pengajian dan bangsa. Soalan jantina memberikan maklumat berkaitan dengan jantina responden iaitu sama ada lelaki atau perempuan. Soalan berkaitan dengan program pengajian memberikan maklumat kepada pengkaji, mengenai program pengajian yang diikuti oleh responden, sama ada daripada program pengajian Kimia (SPK), Fizik, (SPP) atau Matematik (SPT). Akhir sekali, soalan berkaitan bangsa memberikan maklumat jenis bangsa responden iaitu Melayu, Cina, India atau lain-lain.

Bahagian B

Bahagian ini mengandungi item-item bagi memenuhi persoalan-persoalan kajian iaitu persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran aktif, faktor dominan yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam sesi P&P yang menggunakan pendekatan pembelajaran aktif dan kelebihan pendekatan pembelajaran aktif menurut kaca mata pelajar. Dalam bahagian B ini, maklum balas soal selidik akan menggunakan Skala Pemingkatan Likert yang mengandungi 5 nilai skor seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2 dibawah.

Jadual 2: Skala Pemeringkatan Likert

| Pengkelasan | Singkatan | Nilai Skor |
|-------------------|-----------|------------|
| Amat Tidak Setuju | ATS | 1 |
| Tidak Setuju | TS | 2 |
| Sederhana Setuju | SS | 3 |
| Setuju | S | 4 |
| Amat Setuju | AS | 5 |

Jadual 3 seterusnya menunjukkan ringkasan taburan item-item yang akan digunakan oleh pengkaji dalam set soal selidik. Responden perlu menandakan (/) pada bahagian A. Manakala bahagian C akan menggunakan Kaedah Likert.

Jadual 3: Taburan Item Dalam Kajian

| Bahagian | Skop | Bilangan Item | No. Item |
|----------|---|---------------|-------------------------------------|
| A | Profil Responden. | 3 | i, ii, iii |
| B | i. Persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran aktif. | 10 | 1, 4, 7, 12, 14, 17, 20, 23, 26, 29 |
| | ii. Faktor dominan yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam sesi pembelajaran aktif. | 10 | 3, 6, 9, 11, 13, 16, 19, 22, 25, 28 |
| | iii. Kelebihan pendekatan pembelajaran aktif menurut pandangan pelajar. | 10 | 2, 5, 8, 10, 15, 18, 21, 24, 27, 30 |

Analisis Data

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian 1 iaitu apakah persepsi pelajar terhadap pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif. Terdapat 10 item yang menggunakan skala Likert. Hasil analisis yang telah diperolehi adalah seperti yang telah ditunjukkan dalam jadual 4 dibawah:

Berdasarkan Jadual 4 dibawah, didapati bahawa nilai min tertinggi dalam persoalan kajian 1 terletak pada item 14 dengan nilai 4.40. Ini diikuti dengan nilai min kedua tertinggi adalah bagi item 1 iaitu 4.35. Seterusnya item 20 mencatatkan nilai min 4.24 manakala nilai min bagi item 26 pula adalah 4.23. Item 12 memperoleh nilai min sebanyak 4.15 diikuti dengan nilai 4.01 bagi item 7. Daripada Jadual 4.4 ini juga, dapat dilihat nilai min bagi item 4 adalah sebanyak 3.93 dan 3.73 bagi item 29. Bagi Item 17, nilai minnya adalah 3.58, dan item yang mencatatkan nilai min terendah bagi persoalan kajian 1 diberikan oleh item 23 dengan nilai 3.51. Min keseluruhan bagi persoalan kajian 1 adalah bernilai 4.01.

Jadual 4 : Taburan Peratusan dan Min bagi Persoalan Kajian 1

| No. Item | Item | ATS (%) | TS (%) | SS (%) | S (%) | AS (%) | Min |
|------------------------|--|---------|--------|--------|-------|--------|-------------|
| 14. | Saya berpendapat pendekatan pembelajaran aktif akan membina interaksi sosial pelajar. | 0.0 | 0.0 | 1.4 | 57.7 | 40.8 | 4.40 |
| 1. | Pada pandangan saya, pendekatan pembelajaran aktif dapat menarik minat ramai pelajar untuk terlibat dalam sesi P&P. | 0.0 | 1.4 | 7.0 | 46.5 | 45.1 | 4.35 |
| 20. | Dengan menggunakan pendekatan pembelajaran aktif, pendapat dan pengetahuan sedia ada pelajar lebih dihargai. | 0.0 | 1.4 | 9.9 | 52.1 | 36.6 | 4.24 |
| 26. | Saya berpendapat pelajar gemar menghadiri kuliah yang menggunakan gabungan pendekatan pembelajaran aktif dan syarahan. | 0.0 | 0.0 | 9.9 | 57.7 | 32.4 | 4.23 |
| 12. | Dalam pendekatan pembelajaran aktif, pelajar bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri. | 0.0 | 0.0 | 11.3 | 62.0 | 26.8 | 4.15 |
| 7. | Saya berpendapat pendekatan pembelajaran aktif mampu memberikan isi pelajaran yang mencukupi. | 0.0 | 2.8 | 16.9 | 56.3 | 23.9 | 4.01 |
| 4. | Saya berpendapat pendekatan pembelajaran aktif hanya sesuai untuk sesetengah topik pembelajaran sahaja. | 0.0 | 11.3 | 9.9 | 53.5 | 25.4 | 3.93 |
| 29. | Saya berpendapat pendekatan pembelajaran aktif sesuai untuk semua pelajar tanpa mengira had umur. | 5.6 | 9.9 | 16.9 | 40.8 | 26.8 | 3.73 |
| 17. | Saya berpendapat bahawa pendekatan pembelajaran aktif sesuai untuk semua pelajar tanpa mengira jenis gaya pembelajaran pilihan mereka. | 7.0 | 12.7 | 16.9 | 42.3 | 21.1 | 3.58 |
| 23. | Saya berpendapat pelajar lebih gemar menghadiri kuliah yang menggunakan pendekatan pembelajaran aktif sepenuhnya. | 7.0 | 9.9 | 25.4 | 40.8 | 16.9 | 3.51 |
| Min keseluruhan | | | | | | | 4.01 |

Bahagian ini akan menjawab persoalan kajian 2 iaitu apakah faktor yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran aktif. Persoalan kajian 2 ini menggunakan 10 item soalan. Hasil analisis yang diperolehi adalah seperti di dalam jadual 5 dibawah:

Jadual 5: Taburan Peratusan dan Min bagi Persoalan Kajian 2

| No. Item | Item | ATS (%) | TS (%) | SS (%) | S (%) | AS (%) | Min |
|------------------------|--|---------|--------|--------|-------|--------|-------------|
| 13. | Interaksi dan komunikasi yang baik antara rakan-rakan menggalakkan penglibatan saya dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 0.0 | 2.8 | 54.9 | 42.3 | 4.39 |
| 3. | Kawalan kelas yang efektif oleh pensyarah mempengaruhi penglibatan saya dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 0.0 | 7.0 | 47.9 | 45.1 | 4.38 |
| 11. | Peruntukan masa yang mencukupi semasa menjalankan aktiviti mempengaruhi penglibatan saya dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 2.8 | 2.8 | 59.2 | 35.2 | 4.27 |
| 19. | Jumlah pelajar yang terlalu ramai dalam sesuatu kelas mempengaruhi penglibatan saya dalam pembelajaran aktif | 0.0 | 2.8 | 8.5 | 47.9 | 40.8 | 4.27 |
| 9. | Kesesuaian saiz bilik kuliah mempengaruhi penglibatan saya dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 4.2 | 8.5 | 46.5 | 40.8 | 4.24 |
| 28. | Perbincangan isu yang berasaskan pengetahuan sedia ada mempengaruhi penglibatan pelajar dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 1.4 | 7.0 | 59.2 | 32.4 | 4.23 |
| 16. | Sumber dan bahan rujukan yang mudah diperolehi dapat menggalakkan penglibatan saya dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 1.4 | 8.5 | 57.7 | 32.4 | 4.21 |
| 22. | Kemudahan infrastruktur yang lengkap mempengaruhi penglibatan saya dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 4.2 | 7.0 | 53.5 | 35.2 | 4.20 |
| 25. | Rasa tanggungjawab terhadap pembelajaran mempengaruhi penglibatan saya dalam pembelajaran aktif. | 0.0 | 0.0 | 12.7 | 54.9 | 32.4 | 4.20 |
| 6. | Susun atur bilik kuliah yang sesuai mempengaruhi penglibatan saya dalam kaedah pembelajaran aktif. | 0.0 | 4.2 | 8.5 | 54.9 | 32.4 | 4.15 |
| Min keseluruhan | | | | | | | 4.25 |

Merujuk kepada Jadual 5, min keseluruhan bagi persoalan kajian 2 adalah 4.25. Item 13 merupakan item yang mencatatkan nilai min paling tinggi berbanding item-item lain iaitu dengan

nilai min sebanyak 4.39. Min kedua tertinggi pula diberikan oleh item 3 yang bernilai 4.38, diikuti oleh item 11 dan 19 yang mencatatkan nilai min yang sama iaitu sebanyak 4.27. Seterusnya, berdasarkan Jadual 4.5 juga, didapati item 9 memberikan nilai min 4.24, sementara item 28 memcatatkan nilai 4.23 dan item 16 dengan nilai min 4.21. Item 20 dan 25 berkongsi nilai min 4.20, dan item terakhir iaitu item 6 memberikan nilai min paling rendah iaitu 4.15.

Perbincangan

Perbincangan kajian ini akan meliputi objektif kajian bagi menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan iaitu yang pertama, apakah persepsi pelajar terhadap pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif. Kedua, apakah faktor yang mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran aktif dan yang ketiga apakah kelebihan pendekatan pembelajaran aktif menurut pandangan pelajar. Rumusan dibuat berdasarkan kepada dapatan kajian yang telah dianalisis dalam bab 4 dengan menggunakan soal selidik yang telah dibina.

Persepsi pelajar dalam kajian ini merujuk kepada pandangan pelajar terhadap beberapa aspek mengenai pendekatan pembelajaran aktif. Dapatan kajian dalam bab 4 mendapati min keseluruhan bagi persoalan kajian pertama ialah 4.01. Nilai min yang tinggi ini menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran aktif adalah positif. Dalam erti kata lain, pendekatan pembelajaran aktif telah berjaya menarik minat ramai pelajar untuk terlibat secara aktif dalam sesi P&P. Ini selaras dengan pernyataan daripada Omardin (1999) yang telah mengatakan bahawa minat pelajar dapat diwujudkan dan dipertingkatkan dengan menggunakan pelbagai pendekatan dalam pengajaran. Terdapat pelbagai teknik yang merupakan sebahagian daripada teknik-teknik dalam pendekatan pembelajaran aktif, antaranya seperti pembelajaran secara koperatif (*Cooperative Learning*) dan juga pembelajaran berasaskan masalah (*Problem-Based Learning*) (Khairiyah *et al.*, 2005).

Kajian yang dijalankan oleh Fathiyah (2006) terhadap guru-guru pelatih yang menggunakan kaedah P&P koperatif mendapati majoriti guru-guru pelatih dalam kajian ini mengamalkan kaedah pembelajaran koperatif semasa menjalani latihan praktikal mereka. Ini membuktikan guru-guru pelatih ini telah menerima pembelajaran koperatif yang merupakan salah satu subset dalam pembelajaran aktif dengan baik. Selain itu, hasil kajian oleh Springer *et al.* (2000) keatas pendidikan siswazah dalam bidang sains, matematik, kejuruteraan dan teknologi (SMET) juga telah menunjukkan sikap pelajar yang lebih positif terhadap pembelajaran yang menyokong penggunaan pembelajaran dalam kumpulan-kumpulan kecil.

Seterusnya, dapatan kajian pengkaji terus dikukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Norbaizura (2006) dalam mengkaji persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan masalah. Hasil kajian ini menunjukkan tahap persepsi pelajar terhadap pendekatan pembelajaran berasaskan masalah adalah tinggi. Secara tidak langsung, pembelajaran berasaskan masalah yang merupakan sebahagian daripada teknik-teknik dalam pembelajaran aktif secara umumnya telah membuktikan penerimaan pelajar terhadap pendekatan aktif adalah baik.

Persoalan kajian kedua membincangkan beberapa faktor yang mendorong pelajar untuk terlibat aktif dalam sesi P&P yang berasaskan kepada pendekatan pembelajaran aktif. Nilai min yang tinggi bagi persoalan kajian kedua ini menunjukkan terdapat beberapa faktor dominan yang telah mendorong pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran aktif.

Analisis data menunjukkan responden berpendapat bahawa faktor interaksi dan komunikasi yang baik antara rakan-rakan adalah faktor utama yang mendorong penglibatan mereka dalam pembelajaran aktif. Menurut Abd. Ghafar (2003), komunikasi merupakan satu proses untuk menyampaikan maklumat, mesej atau isyarat kepada pihak lain yang dibina

daripada pengalaman atau persefahaman antara kedua-dua pihak. Tambahnya lagi, bilik kuliah merupakan satu komuniti yang sentiasa berinteraksi dimana pensyarah berinteraksi dengan pelajar ketika kuliah, dan pelajar berinteraksi sesama mereka berdasarkan keperluan ketika proses P&P. Interaksi yang sentiasa berlaku inilah sebenarnya yang menghidupkan suasana sesebuah bilik kuliah.

Terdapat banyak kajian mengenai faktor interaksi dan komunikasi dalam mendorong penglibatan pelajar semasa sesi P&P. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh Siti Norbaizura (2006) yang menunjukkan faktor interaksi dan komunikasi yang baik antara rakan-rakan sekumpulan adalah faktor utama yang dapat menggalakkan pembelajaran pelajar secara berkumpulan. Kajian Mpofu (1998) terhadap 27 orang pelajar juga menunjukkan pelajar lebih gemar bekerja dalam suasana berkumpulan kerana ia dapat mempengaruhi pembelajaran mereka. Atan Long (1982) telah menyenaraikan beberapa prinsip pengajaran dimana menurutnya, P&P merupakan proses dialog yang melibatkan dua belah pihak di mana interaksi dan komunikasi dua hala ini akan membuatkan suasana bilik kuliah menjadi lebih hidup dan ceria. Ini seterusnya akan mendorong mereka untuk turut serta dalam pembelajaran dengan lebih aktif.

Hasil analisis juga mendapati responden bersetuju dengan faktor kawalan kelas yang efektif oleh pensyarah telah mempengaruhi penglibatan mereka dalam pembelajaran aktif. Daripada Abd Ghafar (2003), kawalan kelas adalah penting untuk mengelakkan pelajar daripada berebut-rebut untuk bercakap, disamping menjadikan sesi P&P lebih teratur. Bersesuaian dengan dapatan kajian yang diperolehi, semestinya sesi P&P yang lebih teratur akan menyebabkan pelajar lebih selesa untuk turut serta dalam sesi P&P yang melibatkan aktiviti perbincangan. Bukan itu sahaja, Kamaruddin (1995) juga telah menyatakan bahawa stail atau gaya guru memimpin adalah satu faktor penting yang menentukan mutu atau kualiti iklim bilik kuliah dan seterusnya menentukan kualiti pembelajaran pelajar.

Persoalan kajian ketiga membincangkan kelebihan pendekatan pembelajaran aktif menurut pandangan pelajar. Bahagian ini mencatatkan nilai min yang tinggi, dimana ianya membuktikan kepercayaan pelajar terhadap kelebihan-kelebihan pendekatan pembelajaran aktif. Pendekatan pembelajaran aktif yang berasaskan kepada strategi pemusatan pelajar telah memberi peluang kepada mereka untuk terlibat dalam sesi P&P secara langsung. Penglibatan secara langsung dalam sesi P&P inilah yang telah menyedarkan mereka akan kelebihan-kelebihan yang terdapat dalam pengaplikasian pendekatan pembelajaran aktif.

Menurut kajian ini, kelebihan utama pembelajaran aktif yang menurut pandangan pelajar adalah kebolehannya memperbaiki kemahiran komunikasi dalam diri mereka. Kon pembelajaran Edgar Dale (1969) dalam rajah 2.1 dengan jelas telah menunjukkan aktiviti pelajar yang aktif dalam kelas akan melibatkan kemahiran komunikasi yang meluas seperti sesi perbincangan, memberi ucapan di khalayak ramai dan melakukan persembahan dramatik.

Selain itu, dalam model pembelajaran aktif yang dikemukakan oleh Fink (1999) juga telah menggariskan perbincangan yang berlaku dalam pembelajaran aktif yang melibatkan perbincangan bersama rakan-rakan yang lain. Contoh yang paling mudah ialah melalui perbincangan dalam kumpulan kecil sesama rakan berkaitan isi pelajaran yang dipersetujui. Kadangkala, pensyarah atau guru boleh bertindak secara lebih kreatif dengan menggalakkan pelajar untuk mengadakan sesi dialog antara pelajar dengan golongan pakar atau professional sama ada di dalam atau di luar bilik kuliah.

Malah, menurut pandangan pelajar juga kelebihan pembelajaran aktif akan menggalakkan pelajar untuk membuat persediaan awal sebelum menghadiri kuliah. Prinsip-prinsip pembelajaran yang digariskan oleh Abd. Ghafar (2003) tentang persediaan prapembelajaran oleh

pelajar menyatakan pelajar perlu mempunyai pengetahuan asas yang berkaitan dengan pelajaran yang baru kerana mereka akan lebih bermotivasi sekiranya pelajaran baru itu dikaitkan dengan apa yang diketahuinya. Ini selari dengan pernyataan Omardin (1999), yang mengatakan bahawa motivasi yang tinggi terhadap pelajaran yang akan disampaikan akan menunjukkan tanda persediaan yang mendalam untuk mengikuti aktiviti pengajaran guru.

Rujukan

- Atan Long (1982). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Bonwell, C.C, and Eison, J.A., (1991). *Active Learning: Creating Excitement in the Classroom*. (ASHE-ERIC Higher Education Report No.1) Washington, D.C.: George Washington University Clearinghouse on Higher Education.
- Chickering, A. And Gamson, Z. (1987). *Seven Principles for Good Practice*. AAHE Buletin.
- Coplin, B. (2003). *The Know-How You Need to Succeed: 10 Things Employers Want You to Learn in College*. Berkeley Toronto: Then Speed Press.
- Dale, E. (1969). *Audio-Visual Methods in Teaching*. (3rd Ed.). Holt, Tinehart and Winston.
- Davis, G. B. (1993). *Tools For Teaching*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Felder, R.M. and Solomon, B.A. (2004). *Learning Styles and Strategies*. North Carolina State University.
- Gay, L.R. (1996). *Educational Research Competencies for Analysis and Application*. 5th Ed. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Ismail Abdul Aziz (2004). *Tahap Kemahiran Penggunaan Komputer Di Kalangan Pelajar Tahun Satu, Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Johnson, R. (1989). *40 Activities for Training with NLP*. England: Gomer. Kamaruddin Haji Husin (1995). *Siri Pengajian Dan Pendidikan Utusan: Dinamika Sekolah Dan Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mpofu, D.J.S, Schidt, H.G., Das, M., Lanphear, J., dan Dunn, E. (1998). *A Review of Problem Based Learning: Perceptions of Students and Tutors at The United Arab Emirates University*. Education for Health, 11;2 dalam ProQuest Education Journals, 203-213.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengajaran Kreatif untuk Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Springer, L., Stanne, M.E., and Donovan, S. (2000). Effects Of Samll-Group Learning on Undergraduates in Science, Mathematics, Engineering and Technology (SMET) Diakses pada: 17 Julai 2007 [URL:http://www.wcer.wisc.edu/nise/cl1/CL/resource/R2](http://www.wcer.wisc.edu/nise/cl1/CL/resource/R2)
- The Abilene Christian Unicersity Adams Center for Teaching Excellence. (2000). *How Does Active Learning Work?* Active Learning Online Team:Diakses pada: 28 Ogos 2007. [URL:http://www.acu.edu/cte/activelearning](http://www.acu.edu/cte/activelearning)
- Thut, I.N., and Gerberich, J.R. (1993). *Foundation Of Method In Secondary Schools*. New Jersey: Prentice Hall.
- Van Dalen (1979). *Understanding Educational Research: An Introduction*. 4th Ed. New York: McGraw Hill.
- Webster, M. (1985). *Webster's Nith New Collegiae Dictionary*. Meriam-Webster Inc.
- Whitman, N. (1996). *Learning and Teaching Style: Implications for Teachers of Family Medicine*. Farm Med, 28; 321-325.